

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan samada peruntukan disediakan untuk:-

- a) Sekolah Menengah Persendirian Cina;
- b) Kolej Universiti Southern;
- c) Kolej Universiti New Era; dan
- d) Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang;

dalam Belanjawan 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Belanjawan 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah disediakan peruntukan sebanyak RM800 juta untuk penyelenggaraan sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Untuk tahun 2021, KPM akan menggunakan formula baharu untuk mengagihkan peruntukan tersebut mengikut jenis sekolah mengambil kira faktor bilangan sekolah dan keperluan. Sehubungan itu, tiada peruntukan khusus yang disediakan untuk sekolah menengah persendirian Cina atau kolej universiti persendirian.

Sekian, terima kasih.